



JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

PANDUAN MENGISI PENYATA SST-02 (SECARA MANUAL/ PINDAAN)

Diterbitkan Oleh:

**Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Bahagian Cukai Dalam Negeri
Putrajaya**

31 Mei 2026

Penerbitan

Tarikh: 31 Mei 2026.

Panduan Mengisi Penyata SST-02 (Secara Manual/ Pindaan) pada 10 September 2025 ditarik balik dan digantikan dengan Panduan Mengisi Penyata SST-02 (Secara Manual/ Pindaan) yang dikemaskini pada 31 Mei 2026.

Notis Hak Cipta

Hak Cipta 2026 Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Hak Cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hakcipta, 1987 (Malaysia).

Panduan ini boleh ditarik balik, sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya, dengan penerbitan panduan baru. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem pengambilan atau dihantar dalam apa-apa bentuk, termasuk di tempat untuk tujuan komersil tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam menghasilkan semula atau mengutip kandungan, pengiktirafan sumber diperlukan.

Penafian


Maklumat ini bertujuan untuk memberikan panduan bagi mengisi penyata SST-02 untuk penghantaran penyata secara manual atau bagi tujuan pindaan penyata berkenaan. Panduan ini juga memberi nota penerangan bagi butiran-butiran yang terdapat di dalam penyata SST-02 yang diisi secara manual atau melalui Sistem MySST. Ia tidak bertujuan untuk mengatasi semua masalah yang mungkin timbul semasa proses pengisian penyata SST-02. Walaupun JKDM telah mengambil inisiatif untuk memastikan bahawa semua maklumat yang terkandung di dalam panduan ini adalah betul, JKDM tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan dan ketidaktepatan yang mungkin terkandung, atau apa-apa kerugian kewangan atau lain-lain yang dilakukan oleh individu menggunakan maklumat dari panduan ini. Semua maklumat adalah semasa persediaan dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu. Panduan Pengisian Penyata SST-02 menggunakan sistem MySST boleh dirujuk melalui Panduan Sistem yang telah disediakan di Laman Web Rasmi Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

KANDUNGAN

1. Panduan Mengakses Borang Manual Penyata SST-02	1
2. LAMPIRAN 1	4
• Bahagian A : Maklumat Pengilang Berdaftar / Orang Berdaftar	4
• Bahagian B1 : Maklumat Jualan / Perkhidmatan	5
• Bahagian B2 : Nilai Cukai Yang Kena Dibayar Atas Barangan (Jualan/ Pelupusan/ Kegunaan Sendiri)/ Perkhidmatan (Perkhidmatan Diberikan/ Kegunaan Sendiri)	6
• Bahagian C : Barang-Barang Di Bawah Jadual Kedua, Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai) 2018	9
• Bahagian D : Jualan / Perkhidmatan Yang Dikecualikan Cukai / Perkhidmatan Tidak Bercukai	10
• Bahagian E : Belian Di Bawah Jadual C, Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai Jualan) 2018	12
• Bahagian F: Akuan	13
• Bahagian G: Untuk Kegunaan Pejabat	14

1. Panduan Mengakses Borang Manual Penyata SST-02

1.1. Layari Portal MySST di alamat <https://mysst.customs.gov.my/>



1.2. Klik menu “Perundangan & Panduan” → “Borang-Borang CJP”



- 1.3. Muat turun Penyata SST-02 dengan mengklik '**Tekan Sini**' seperti dalam gambar rajah di bawah:

Versi

Malay

Pengecualian

Penyata & Pembayaran

Pendaftaran Baharu

Status Pendaftaran

Log Masuk

Dapatkan Semula Permohonan

Laman Web Rasmi

CUKAI JUALAN & PERKHIDMATAN MALAYSIA (CJP)

Jabatan Kastam Diraja Malaysia

MySST

VALUE & SERVICE TAX

ccc@customs.gov.my

1300 888 500

Mengenai CJP

Industri

Perundangan & Panduan

Sorotan CJP

Hubungi Kami

Borang-Borang CJP

BIL	DESKRIPSI BORANG	MUAT TURUN
1.	Bagaimana untuk memohon Pengecualian bagi semua Jadual di bawah Perintah Cukai Jualan (Orang yang Dikecualikan daripada Membayar Cukai) 2018	Tekan Sini
2.	Prosedur Permohonan Ketetapan Kastam	Tekan Sini
Peraturan-Peraturan Cukai Jualan (Ketetapan Kastam) 2018		
A. Senarai Borang-Borang		
3.	i. Borang Permohonan Ketetapan Kastam	APPENDIX I
	ii. Borang Permohonan Pembaharuan Ketetapan Kastam	APPENDIX II
Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan (Ketetapan Kastam) 2018		
B. Senarai Borang-Borang		
4.	i. Borang Permohonan Ketetapan Kastam	APPENDIX III
	ii. Borang Permohonan Pembaharuan Ketetapan Kastam	APPENDIX IV
Penyata Cukai SST-02		Tekan Sini
5.	i. Garis Panduan Penyata (SST-02) Cukai Jualan / Cukai Perkhidmatan	Tekan Sini
	ii. Panduan Mengisi Borang Manual Penyata SST	Tekan Sini

- 1.4. Buka borang manual Penyata SST-02 dengan menggunakan aplikasi *Adobe Acrobat Reader/ PDF Reader* yang lain.

SST-02*

No. SST-02:
☐ Pindaan / Amendment

**JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA**
ROYAL MALAYSIAN CUSTOMS DEPARTMENT
PENYATA CUKAI JUALAN / CUKAI PERKHIDMATAN
SALES TAX / SERVICE TAX RETURN

Nota Penting (Important Notes)
1) Sila isikan borang ini dengan menaip menggunakan HURUF BESAR.
Please type in using BLOCK LETTERS.
2) Borang ini hendaklah diisi secara berasingan bagi Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan.
This form must be declared separately for Sales Tax and Service Tax.
3) Sila rujuk Panduan Mengisi Penyata SST-02.
Please refer to SST-02 Returns Guidelines.
4) Rujukan yang bertanda (*) adalah wajib diisi.
Column with (*) is a mandatory field.
5) Sekiranya tiada nilai untuk dikanan, sila isi angka '0'.
If nothing to declare, please fill in '0'.
6) Sila hubungi Pusat Panggilan Kastam di talian 1-300-88-8500 / 03-78067200 atau email ccc@customs.gov.my untuk pertanyaan lanjut.
Please contact Customs Call Center at 1-300-88-8500 / 03-78067200 or email ccc@customs.gov.my for further enquiry.

BAHAGIAN A : MAKLUMAT PENGILANG BERDAFTAR / ORANG BERDAFTAR
PART A : REGISTERED MANUFACTURE / REGISTERED PERSON PARTICULARS

1) Jenis Penyata (Tandakan x dalam kotak yang berkaitan)
Type of Return (Tick x in the relevant box)

CUKAI JUALAN /
SALES TAX

CUKAI PERKHIDMATAN /
SERVICE TAX

No. Pendaftaran SST*
SST Registration No.*

2) Nama Pengilang Berdaftar / Orang Berdaftar.
Name of Registered Manufacturer / Registered Person.*

- 1.5. Borang manual Penyata SST-02 hanya membenarkan **SATU Nombor Pendaftaran SST SAHAJA**.
- 1.6. Maklumat di dalam borang manual Penyata SST-02 ini hendaklah ditaip menggunakan **HURUF BESAR**.
- 1.7. Penyata hendaklah diisi mengikut Panduan Mengisi Borang Manual Penyata SST-02 seperti di **Lampiran 1**.
- 1.8. Borang manual Penyata SST-02 yang telah lengkap diisi hendaklah dicetak dan dihantar secara pos/ kurier/ P-Hailing ke **Cawangan Pusat Pemerosesan SST (CPPS)** di alamat berikut:

Cawangan Pusat Pemerosesan SST (CPPS)
Aras 1, Blok A, Kompleks Kastam WPKL
No.22, Jalan SS 6/3
47301 Petaling Jaya
Selangor.
- 1.9. Waktu penerimaan borang secara manual di CPPS adalah dalam **waktu operasi pejabat iaitu Isnin hingga Jumaat (8.00 pagi – 5.00 petang) SAHAJA**.
- 1.10. Bukti penghantaran hendaklah disimpan selamat untuk rujukan sekiranya diperlukan.

LAMPIRAN 1

Panduan di bawah akan membantu anda mengisi Borang SST-02 secara manual.

SST – 02

PENYATA CUKAI JUALAN / CUKAI PERKHIDMATAN

**BAHAGIAN A : MAKLUMAT PENGILANG BERDAFTAR /
ORANG BERDAFTAR**

BUTIRAN		NOTA PENERANGAN
1)	Jenis Penyata*	Sila tandakan (X) pada salah satu jenis penyata yang berkenaan sahaja.
	No. Pendaftaran SST*	Sila nyatakan nombor Pendaftaran CJ / CP. Contohnya: J11-1808-20000001* *Seperti yang tercatat dalam surat kelulusan pendaftaran CJ / CP.
2)	Nama Pengilang Berdaftar / Orang Berdaftar*	Nama pengilang / orang berdaftar adalah seperti di dalam surat kelulusan pendaftaran Cukai Jualan / Cukai Perkhidmatan.
3)	Tempoh Bercukai*	Sila nyatakan tempoh bercukai (tarikh mula dan akhir) yang hendak diikrar dan dibayar. Nyatakan <i>hari / bulan / tahun</i> seperti contoh berikut : Contoh: Jan / Feb 2024 Tarikh Mula: 01/01/2024 Tarikh Akhir: 29/02/2024
4)	Tarikh Akhir Serahan Penyata dan Bayaran*	Sila nyatakan tarikh akhir serahan penyata dan bayaran. Nyatakan <i>hari / bulan / tahun</i> seperti contoh berikut : Contoh: Tempoh bercukai dari 01/01/2024 hingga 29/02/2024. Tarikh akhir serahan penyata dan bayaran adalah pada 31/3/2024.

LAMPIRAN 1

BAHAGIAN B1 : MAKLUMAT JUALAN / PERKHIDMATAN		
BUTIRAN		NOTA PENERANGAN
5)	Bil.*	Nyatakan nombor bilangan maklumat jualan/perkhidmatan.
6)	Maklumat Barang Kena Cukai / Jenis Perkhidmatan Bercukai (Diberikan / Diperoleh / Diimport).*	Nyatakan maklumat barang kena cukai atau jenis perkhidmatan bercukai yang diberikan atau diperoleh atau perkhidmatan bercukai yang diimport. (Ruang ini juga perlu diisi oleh orang berdaftar Cukai Perkhidmatan Kumpulan K yang gagal mematuhi syarat.)
7)	Kod Tariff Kastam / Kod Jenis Perkhidmatan.*	Nyatakan kod tariff barang bercukai / kod jenis perkhidmatan bercukai yang didaftarkan.
8)	Nilai Barang-barang Dijual (Termasuk Nilai Nota Debit)/ Nilai Kerja Yang Dilakukan.* (RM)	Nyatakan nilai barang-barang yang dijual termasuk nilai nota debit atau nilai kerja yang dilakukan dalam kadar mata wang Ringgit Malaysia (RM). (Ruang ini diisi oleh pengilang berdaftar Cukai Jualan sahaja).
9)	Nilai Barang-barang (Yang Dipakai Sendiri/ Dilupus) / Nilai Perkhidmatan Yang Diberi Percuma.* (RM)	Nyatakan nilai barang-barang yang dipakai sendiri/dilupus atau nilai perkhidmatan yang diberi percuma dalam kadar mata wang Ringgit Malaysia (RM).
10)	Nilai Perkhidmatan Bercukai (Termasuk Nilai Nota Debit).* (RM)	Nyatakan nilai perkhidmatan bercukai yang disediakan (termasuk nilai nota debit) dalam kadar mata wang ringgit Malaysia (RM). (Ruang ini diisi oleh orang berdaftar Cukai Perkhidmatan sahaja).

LAMPIRAN 1

BAHAGIAN B2 : NILAI CUKAI YANG KENA DIBAYAR ATAS BARANGAN (JUALAN/ PELUPUSAN/ KEGUNAAN SENDIRI)/ PERKHIDMATAN (PERKHIDMATAN DIBERIKAN/ KEGUNAAN SENDIRI)		
BUTIRAN		NOTA PENERANGAN
11)	Jumlah Nilai Jualan dan Cukai Yang Kena dibayar Mengikut Kadar Cukai.* a) Barang Bercukai Berkadar 5%. b) Barang Bercukai Berkadar 10%. c) Perkhidmatan Bercukai Berkadar 6%. d) Perkhidmatan Bercukai Berkadar 8%. e) Perkhidmatan Bercukai Butiran 1, Kumpulan H.	Bagi butiran 11(a), (b), (c) & (d), jumlah nilai cukai yang kena dibayar mengikut kadar cukai hendaklah dikira mengikut maklumat yang diikrar di Bahagian B1. Bagi butiran 11(e), jumlah nilai cukai yang kena dibayar adalah mengikut bilangan kad yang diaktifkan (unit).
12)	Jumlah Nilai Cukai Yang Kena Dibayar.* (12) = [11(a) + 11(b)] ATAU [11(c) + 11(d) + 11(e)]	Nyatakan jumlah nilai cukai yang kena dibayar dalam kadar mata wang Ringgit Malaysia (RM). Penyata Cukai Jualan : (12) = [11(a) + 11(b)] + 17 atau; Penyata Cukai Perkhidmatan : (12) = [11(c) + 11(d) + 11(e)]
13)	Amaun Potongan Cukai a) Potongan Cukai Melalui Nota Kredit.*	Pengikraran amaun cukai daripada nota kredit. (Sekiranya nota kredit dikeluarkan berhubung dengan bayaran cukai perkhidmatan yang telah diikrarkan dalam penyata terdahulu, nota kredit tersebut boleh

LAMPIRAN 1

	b) Potongan Cukai Jualan.* c) Potongan Cukai Perkhidmatan.* d) Jumlah Nilai Cukai Atas Pelepasan Hutang Lapuk.*	diambil kira sebagai pelarasan atau potongan cukai dalam Penyata SST-02 bagi tempoh bercukai yang berikutnya) Ruangan 13(b) hendaklah diisi berdasarkan maklumat dari Sistem Potongan Cukai Jualan. <i>(Ruang ini hanya perlu diisi oleh pengilang berdaftar Cukai Jualan sahaja).</i> Ruangan 13(c) hendaklah diisi dengan maklumat nilai cukai sekiranya permohonan potongan cukai perkhidmatan (selain daripada nota kredit) yang telah mendapat kelulusan daripada Ketua Pengarah di bawah seksyen 39 Akta Cukai Perkhidmatan 2018. <i>(Ruang ini hendaklah diisi oleh orang berdaftar Cukai Perkhidmatan sahaja).</i> Ruangan 13(d) hendaklah diisi dengan maklumat nilai cukai untuk pelepasan hutang lapuk selepas permohonan diluluskan.
13A)	Pelarasan di bawah Potongan Cukai Jualan.	Ruangan ini hendaklah diisi sekiranya terdapat lebihan potongan cukai jualan yang diluluskan (<i>Sales Tax Deduction</i>) dalam item 13(b) dari tempoh bercukai sebelumnya. <i>(Ruang ini hanya perlu diisi oleh pengilang berdaftar Cukai Jualan sahaja).</i>
14)	Jumlah Cukai Yang Kena Dibayar Sebelum Penalti Dikenakan.* $(14) = (12) - (13a) - 13(b) -$	Nyatakan jumlah cukai yang kena dibayar sebelum penalti dikenakan dalam kadar mata wang Ringgit Malaysia (RM) berdasarkan formula seperti berikut:

LAMPIRAN 1

	13(c) – (13A)	Penyata Cukai Jualan: (14) = (12) – (13a) – (13b) – (13d) – (13A) Penyata Cukai Perkhidmatan: (14) = (12) – (13a) – (13c) – (13d)								
15)	Kadar Penalti / Amaun Penalti.	Amaun penalti hendaklah dikira mengikut kadar penalti yang dikenakan (Jika ada). Kadar penalti adalah berdasarkan jumlah hari kelewatan seperti contoh berikut: <table><tr><th>Tempoh Lewat Pembayaran Cukai</th><th>Kadar Penalti (%)</th></tr><tr><td>30 hari pertama</td><td>10%</td></tr><tr><td>30 hari kedua</td><td>Tambahan 15% (10% + 15% = 25%)</td></tr><tr><td>30 hari ketiga dan seterusnya</td><td>Tambahan 15% (10% + 15% + 15% = 40%)</td></tr></table> Walau bagaimanapun, kadar penalti dan jumlah sebenar cukai yang kena dibayar akan dijana oleh sistem berdasarkan bilangan hari yang lewat setelah ianya dikunci masuk oleh CPPS.	Tempoh Lewat Pembayaran Cukai	Kadar Penalti (%)	30 hari pertama	10%	30 hari kedua	Tambahan 15% (10% + 15% = 25%)	30 hari ketiga dan seterusnya	Tambahan 15% (10% + 15% + 15% = 40%)
Tempoh Lewat Pembayaran Cukai	Kadar Penalti (%)									
30 hari pertama	10%									
30 hari kedua	Tambahan 15% (10% + 15% = 25%)									
30 hari ketiga dan seterusnya	Tambahan 15% (10% + 15% + 15% = 40%)									
16)	Jumlah Cukai Kena Dibayar Termasuk Penalti. (16) = (14) + (15)	Nyatakan jumlah cukai kena dibayar termasuk penalti seperti berikut: (16) = (14) + (15)								

LAMPIRAN 1

BAHAGIAN C : BARANG-BARANG DI BAWAH JADUAL KEDUA, PERINTAH CUKAIJUALAN (KADAR CUKAI) 2018 <i>(Bahagian ini perlu diisi oleh pengilang berdaftar Cukai Jualan yang berkenaan sahaja)</i>	
BUTIRAN	NOTA PENERANGAN
17) Jumlah Nilai Jualan dan Cukai Yang Kena dibayar mengikut kadar cukai.* Berkadar (RM) Per Liter.* Berkadar (RM) Per Kilogram.* Berkadar (%) <i>ad-valorem</i> .*	Sila nyatakan kadar cukai dalam mata wang Ringgit Malaysia (RM) per liter, kuantiti jualan bercukai (per liter), nilai jualan bercukai dan cukai yang kena dibayar. Sila nyatakan kadar cukai dalam mata wang Ringgit Malaysia (RM) per kilogram, kuantiti jualan bercukai (per kilogram), nilai jualan bercukai dan cukai yang kena dibayar. Sila nyatakan kadar cukai (%) mengikut <i>ad-valorem</i>, nilai jualan bercukai dan cukai yang kena dibayar dalam kadar mata wang Ringgit Malaysia (RM). *Sila buat lampiran jika ruangan tidak mencukupi. <i>(Ruangan ini hanya perlu diisi oleh pengilang berdaftar Cukai Jualan sahaja).</i>

LAMPIRAN 1

BAHAGIAN D : JUALAN / PERKHIDMATAN YANG DIKECUALIKAN CUKAI/ PERKHIDMATAN TIDAK BERCUKAI	
BUTIRAN	NOTA PENERANGAN
18) Jualan Barang-Barang Bercukai / Perkhidmatan Bercukai.*	
a) Eksport / Kawasan Khas / Kawasan Ditetapkan.*	Bagi 18(a), nyatakan nilai jualan barang-barang bercukai yang dieksport / dijual atau diberikan di Kawasan Khas / Kawasan Ditetapkan. <i>(Ruangan ini hanya perlu diisi oleh pengilang berdaftar Cukai Jualan sahaja).</i>
b) Jualan Tempatan Kepada Orang di bawah Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai Jualan) 2018	Bagi 18(b), nyatakan nilai jualan barang-barang bercukai yang dikecualikan cukai jualan di bawah Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai Jualan) 2018. <i>(Ruangan ini hanya perlu diisi oleh pengilang berdaftar Cukai Jualan sahaja).</i>
1) Jadual A (Kumpulan Orang).*	
2) Jadual B (Pengilang Spesifik Barang Tidak Bercukai).*	
3) Jadual C (Pengilang Berdaftar).*	
i) Butiran 1 dan 2 (Pembelian/ Pengimportan Bahan Mentah/ Komponen/ Bahan Pembungkusan Yang Dikecualikan	

LAMPIRAN 1

BAHAGIAN D : JUALAN / PERKHIDMATAN YANG DIKECUALIKAN CUKAI/ PERKHIDMATAN TIDAK BERCUKAI		
BUTIRAN		NOTA PENERANGAN
	Cukai Jualan).*	
	ii) Butiran 3 dan 4 (Pembelian/ Pengimportan Bahan Mentah/ Komponen/ Bahan Pembungkusan Bagi Pihak Pengilang Berdaftar Yang Dikecualikan Cukai Jualan).*	
	iii) Butiran 5 (Nilai Kerja Dilakukan Yang Dikecualikan Cukai Jualan).*	
	c) Nilai Perkhidmatan Bercukai Yang Dikecualikan.*	
	1) Perkhidmatan orang berdaftar kepada orang berdaftar (B2B).*	Nilai perkhidmatan bercukai yang mendapat pengecualian B2B sama ada melalui Perintah Cukai Perkhidmatan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018 atau daripada pengecualian menteri di bawah Seksyen 34(3)(a) Akta Cukai Perkhidmatan 2018.
	2) Pelepasan dalam kumpulan syarikat.*	Nilai perkhidmatan bercukai Kumpulan K atau perkhidmatan tidak bercukai Kumpulan G yang mendapat pelepasan dalam kumpulan syarikat (Group Relief).

LAMPIRAN 1

BAHAGIAN D : JUALAN / PERKHIDMATAN YANG DIKECUALIKAN CUKAI/ PERKHIDMATAN TIDAK BERCUKAI	
BUTIRAN	NOTA PENERANGAN
3) Lain-lain pengecualian.*	Nilai perkhidmatan bercukai yang mendapat pengecualian daripada menteri di bawah subseksyen 34(3)(a) Akta Cukai Perkhidmatan 2018. <i>(Ruangan ini hendaklah diisi oleh orang berdaftar cukai perkhidmatan sahaja)</i>
d) Jumlah Nilai Perkhidmatan Tidak Bercukai.*	Nilai perkhidmatan tidak bercukai yang diberi oleh penyedia perkhidmatan. <i>(Ruangan ini hendaklah diisi oleh orang berdaftar cukai perkhidmatan sahaja)</i>
e) Jumlah Nilai Jualan Yang Dikecualikan di Bawah Subseksyen 35(3) dan / atau Seksyen 61A Akta Cukai Jualan 2018.*	Nilai jualan yang mendapat pengecualian daripada menteri di bawah subseksyen 35(3) dan / atau seksyen 61A Akta Cukai Jualan 2018 <i>(Ruangan ini hanya perlu diisi oleh pengilang berdaftar Cukai Jualan sahaja).</i>

BAHAGIAN E : BELIAN DI BAWAH JADUAL C, PERINTAH CUKAI JUALAN (ORANG YANG DIKECUALIKAN DARIPADA PEMBAYARAN CUKAI JUALAN) 2018	
<i>*(Bahagian ini perlu diisi oleh pengilang berdaftar Cukai Jualan yang berkenaan sahaja)</i>	
BUTIRAN	NOTA PENERANGAN
19) Butiran 1 dan 2 (Pembelian / Pengimportan Bahan Mentah / Komponen / Bahan Bungkusan dan Pembungkusan Yang Dikecualikan Daripada Cukai Jualan).*	Nyatakan amaun pembelian, pengimportan bahan mentah, komponen, bahan bungkusan dan pembungkusan yang dikecualikan cukai jualan dalam kadar mata wang Ringgit Malaysia (RM).

LAMPIRAN 1

BAHAGIAN E : BELIAN DI BAWAH JADUAL C, PERINTAH CUKAI JUALAN (ORANG YANG DIKECUALIKAN DARIPADA PEMBAYARAN CUKAI JUALAN) 2018		
<i>*(Bahagian ini perlu diisi oleh pengilang berdaftar Cukai Jualan yang berkenaan sahaja)</i>		
BUTIRAN		NOTA PENERANGAN
20)	Butiran 3 dan 4 (Pembelian / Pengimportan Bahan Mentah / Komponen / Bahan Bungkus dan Pembungkusan Bagi Pihak Pengilang Berdaftar Yang Dikecualikan Cukai Jualan).*	Nyatakan pembelian, pengimportan bahan mentah, komponen, bahan bungkus dan pembungkusan bagi pihak pengilang berdaftar yang dikecualikan cukai jualan dalam kadar mata wang Ringgit Malaysia (RM).
21)	Butiran 5 (Nilai Kerja Dilakukan Yang Dikecualikan Cukai Jualan).*	Nyatakan nilai kerja dilakukan yang dikecualikan cukai jualan dalam kadar mata wang Ringgit Malaysia (RM).

BAHAGIAN F: AKUAN		
BUTIRAN		NOTA PENERANGAN
22)	Dengan ini saya sebagai pegawai yang diberi kuasa di bawah seksyen 89 atau 90 Akta Cukai Jualan 2018 / seksyen 74 atau 75 Akta Cukai Perkhidmatan 2018 mengesahkan dan memperakui bahawa butir-butir yang dinyatakan dalam penyata ini adalah benar dan lengkap dan bersetuju apa-apa notis disampaikan kepada saya secara perkhidmatan elektronik.* Tarikh* Tandatangan Pengikrar*	Pengikrar perlu membuat akuan dengan menandatangani serta mencatatkan tarikh penyata yang diikrar bagi mengesahkan bahawa pengakuan butir-butir dalam penyata ini adalah benar dan lengkap dan bersetuju apa-apa notis yang akan disampaikan melalui perkhidmatan elektronik.

LAMPIRAN 1

BAHAGIAN F: AKUAN		
BUTIRAN		NOTA PENERANGAN
23)	Nama Pengikrar*	Nyatakan nama orang yang mengikrar
24)	No. Kad Pengenalan/ Pasport*	Nyatakan nombor kad pengenalan/ pasport pengikrar
25)	Jawatan Pengikrar*	Nyatakan jawatan pengikrar
26)	No. Telefon*	Nyatakan nombor telefon pengikrar

BAHAGIAN G: UNTUK KEGUNAAN PEJABAT		
BUTIRAN		NOTA PENERANGAN
27)	a) Tarikh Penyata Diterima b) Tarikh Cop Pos c) Pegawai Penerima	Pegawai CPPS perlu merekodkan tarikh penyata diterima, tarikh tanda pos dan pegawai yang menerima bayaran